

6 MAC 2025 | MAJLIS PELANCARAN PROGRAM IHYA' RAMADHAN INSTUN 1446H/2025M

Pada Ramadan 1446H, Majlis Pelancaran Program Ihya' Ramadhan INSTUN 1446H/2025M telah dilaksanakan bertempat di Auditorium, INSTUN. Majlis tersebut telah diraikan oleh kesemua Bangsa INSTUN sebagai tanda meraikan kedatangan Bulan Ramadhan yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaannya. Tuan Pengarah juga telah merasmikan program-program yang akan dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan seperti Program Tadarus Al-Quran, Program Bubur Lambuk INSTUN, Program Solat Sunat Tarawih, Iftar Jamaie Peringkat INSTUN, pelancaran Tabung Ihya' Ramadhan serta Majlis Khatam Al-Quran Peringkat INSTUN.

Objektif penganjuran Majlis ialah untuk memperbanyakkan amalan sunnah dengan menggalakkan solat sunat, terawih, sedekah, dan amalan sunah lain sebagai persediaan meraih ganjaran berlipat ganda. Menggerakkan Ukhuwah Islamiah melalui program iftar berjemaah dan tadarus secara bersama serta mempersiapkan diri untuk Syawal dengan membimbing warga INSTUN mengekalkan momentum ibadah Ramadhan dalam bulan-bulan seterusnya dengan istiqamah.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Ayat Suci Al-Quran bertarannum daripada Pelajar Darul Quran iaitu **Encik Hariz Afnan bin Ab Rahim**. Selain itu, Majlis turut diselitkan dengan program Ceramah Penghayatan Ramadhan yang disampaikan oleh **Al-Fadil Ustaz Mohamad Lutfi bin Jamel, Penolong Pengarah Kanan Darul Quran JAKIM**. Alhamdulilah, semoga semua Bangsa INSTUN mendapat manfaat daripada penganjuran Majlis ini.

BUKU FAZ MOHAMMA N JAMEL



Gambar Penceramah Jemputan

‘**إِنَّمَا** **عِزْمًا** mereka tidak berpuasa)
seorang miskin. Barangsiapa yang
maka itulah yang lebih baik baginya.
getahui,” (QS. Al-Baqarah [2]: 184).



Bacaan Tarannum daripada Pelajar Darul Quran JAKIM



Ucapan Perasmian YBrs. Tuan Pengarah



Kehadiran Bangsa INSTUN